

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1993/94

Oktober/November 1993

SAU404 - Kriminologi

Masa : (2 jam)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan kesemuanya. Bahagian A WAJIB dijawab. Jawab DUA soalan di Bahagian B dan jawab SATU soalan di Bahagian C.

Bahagian A (WAJIB dijawab) [30 markah]

Pilih satu jenis jenayah yang anda telah meneliti dalam kursus SAU 404.

- (i) Definisikan jenayah tersebut.
- (ii) Huraikan sejauhmana jenayah ini merupakan satu masalah sosial di Malaysia dengan memberi statistik dan petunjuk-petunjuk ukuran jenayah tersebut.
- (iii) Berasaskan pengetahuan yang anda telah perolehi dalam kursus ini, beri satu profail mengenai jenayah tersebut dengan menumpukan kepada ciri-ciri berikut:
  - (a) penjenayah;
  - (b) tingkahlaku jenayah;
  - (c) mangsa, dan
  - (d) sistem keadilan dan hukuman
- (iv) Huraikan satu rancangan kawalan, pencegahan atau pemulihan untuk membentaras jenayah tersebut.

Bahagian B (Jawab DUA soalan) [50 markah]

1. Pilih DUA jenis teori kriminologi di bawah:

- (a) Teori-teori Biologikal
- (b) Teori-teori Psikogenik atau Psikologi
- (c) Teori-teori Tegangan (Strain) Sosial
- (d) Teori-teori Proses Sosial
- (e) Teori-teori Reaksi Sosial

Untuk setiap jenis teori kriminologi yang dipilih jawab soalan-soalan berikut:

- (i) Huraikan (secara lengkap) 2 aliran pemikiran teoretikal dalam jenis teori kriminologi yang anda pilih.
- (ii) Untuk setiap aliran pemikiran tersebut perkenalkan faktor-faktor sebab-musabab utama kenapa jenayah wujud?
- (iii) Berasaskan faktor-faktor yang menyebabkan perlakuan jenayah tersebut, cadangkan satu rancangan kawalan, pencegahan atau pemulihan untuk mengatasi masalah jenayah tersebut.

Bahagian C (Jawab SATU soalan) [20 markah]

Berasaskan pengetahuan yang anda telah perolehi dari kursus ini:

- 1. Huraikan kedudukan masalah jenayah di Malaysia dengan memberi tumpuan atas Jenayah Petunjuk (Jenayah Indeks) di Malaysia.
- 2. Bincangkan sistem kepenjaraan di Malaysia dari segi:
  - (a) Falsafah dan objektif penjara di Malaysia.
  - (b) Cara-cara dan alasan-alasannya untuk sistem memproseskan kemasukan banduan ke penjara.
  - (c) Rancangan-rancangan pemulihan yang dijalankan dalam penjara.
  - (d) Masalah-masalah utama yang dihadapi oleh sistem kepenjaraan di Malaysia masa kini.